

10 MAR 2001

SULTAN JOHOR LAWAT PUTRAJAYA

PUTRAJAYA, 10 Mac (Bernama) -- Sultan Johor hari ini buat pertama kalinya berangkat melawat pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya, di sini.

Ketibaan baginda dan Sultanah Johor serta rombongan disambut oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali di Laman Perdana, Kompleks Jabatan Perdana Menteri.

Turut menyambut ialah Menteri di Jabatan Perdana Menteri Senator Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dan Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Samsudin Osman.

Sejurus selepas ketibaan, rombongan Diraja itu diiringi Perdana Menteri ke tingkat enam kompleks tersebut untuk meninjau pemandangan sekitar.

Mereka kemudian dibawa melawat Pejabat Perdana Menteri yang berada di tingkat lima.

Dr Mahathir kemudian mengiringi Sultan Johor dan rombongan ke Kompleks Seri Perdana untuk santapan tengah hari.

Selesai santapan, Dr Mahathir membawa tetamu diraja itu meninjau ke kawasan persekitaran dan ia diakhiri di Masjid Putrajaya.

-- BERNAMA

NM DC AKD